

PRODUCT
ID: 51

SAKEENA INDEX – COVID 19 ®

Group member

PM DR RAFEAH SAIDON, ACIS UiTM SHAH ALAM

PM DR SITI KHADIJAH AB MANAN, ACIS UiTM SHAH ALAM

PM DR. SALASIAH HANIN HAMJAH, FPI UKM

NURZAHIDAH HJ JAAPAR, ACIS UiTM SHAH ALAM

ULFAH MANSURAH ZAINUDIN, ACIS UiTM SHAH ALAM

FADHILAH ADIBAH ISMAIL, ACIS UiTM SHAH ALAM

ABSTRAK


Kesejahteraan keluarga merupakan elemen penting dalam usaha kerajaan menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju dan makmur selaras dengan agenda dalam RMK-12 yang bertemakan Keluarga Malaysia- Makmur, Inklusif & Mampan. Keluarga adalah unit asas dalam pembangunan negara di mana kesejahteraan keluarga akan membawa kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Ini bertepatan dengan agenda kerajaan yang membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum dapat meningkatkan kesejahteraan dan menikmati taraf hidup yang lebih baik. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan kesejahteraan sebagai "keadaan kesihatan yang sempurna dari segi fizikal, mental, dan sosial, dan bukan hanya bermaksud ketiadaan penyakit". Ia bermaksud bahawa, kesejahteraan keluarga dapat dicapai apabila semua keperluan setiap ahli keluarga dapat dipenuhi berlandaskan dimensi -dimensi yang tersebut.

PENGENALAN

Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) 2020 - 2021 merupakan tindakan pencegahan oleh kerajaan Malaysia terhadap kes pandemik koronavirus (COVID-19) yang telah mengakibatkan sesetengah keluarga berdepan dengan masalah dan isu yang melibatkan diri dan keluarga, dari pelbagai sudut seperti kemurungan, bunuh diri dan kebimbangan hingga kepada masalah kesihatan, ketidakstabilan ekonomi keluarga, peningkatan kos sara hidup, masalah penjagaan anak dan pelbagai kesan yang menjelaskan keharmonian keluarga.

Justeru Model Sakeena Index-Covid-19 ® (DV2021E04694) dicipta untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan keluarga ketika PKP. Model ini melibatkan 9 domain yang diukur dalam menentukan kesejahteraan keluarga ketika pandemik iaitu penghayatan agama, hubungan kekeluargaan, ekonomi, kewangan, kesihatan, komunikasi, pengurusan anak-anak, pendapatan dan perbelanjaan, keluarga dan komuniti, perumahan dan persekitaran.

GAMBAR PRODUK



PENERANGAN PRODUK

Model Sakeena Index Covid-19 telah dibangunkan hasil daripada adaptasi model kesejahteraan keluarga seperti Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 & Dasar Keluarga Negara (LPPKN). Berdasarkan dapatan kajian ini, penemuan domain baru (*emerging codes*) dalam model Sakeena Index Covid-19 iaitu:

(1) Perkongsian Pendapatan (2) Tanggungjawab terhadap anak-anak dan; (3) Komunikasi

METODOLOGI

- Model Sakeena Index Covid-19 dibangunkan menggunakan kaedah kuantitatif > instrument soal selidik > 500 sampel dipilih secara rawak di kawasan Lembah Kelang yang merangkumi Shah Alam, Klang, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur.
- Berdasarkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi maka dapatan hasil kajian dapat menjelaskan objektif kajian iaitu mencipta Model Sakeena Index Covid-19 dalam mengenalpasti tahap kesejahteraan keluarga dalam berhadapan keadaan mendesak & musibah

PEMATUHAN SYARIAH

- Model ini membantu memelihara Maqasid Syariah (Agama, Nyawa, Akal, Keturunan & Harta)
- Model ini mendokong kualiti hidup keluarga yang mampan mengikut landskap agama.

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFIKAN

Model Sakeena Index-Covid-19 ini boleh dijadikan rujukan kepada semua pihak berautoriti dalam penggubalan dan perlaksanaan dasar, pembinaan modul program-program kesejahteraan keluarga dan masyarakat, pakar motivasi, kaunselor swasta dan penyelidik, NGO atau pihak-pihak berkepentingan.

NOVELTI & KEASLIAN

Model Sakeena Index-Covid-19 ini di bangunkan hasil dari adaptasi model-model kesejahteraan keluarga yang sedia ada dan ditambah baik dengan kriteria yang lebih menyeluruh meliputi keperluan kerohanian, fizikal dan keperluan mendesak ketika pandemik. Keunikan model ini ialah kesesuaian kriteria yang dibangunkan untuk diaplikasikan bukan sahaja ketika pandemik covid 19 tapi juga ketika berlaku musibah atau bencana lain pada masa akan datang.

ANUGERAH

Sakeena Index (Silver Award) IIINDEX 2017
 Geran FRGS, 600-RMI/RAGS 5/3 (14/2015)
 Geran ACIS: Kesejahteraan Keluarga sepanjang PKP akibat pandemic C-19

PENERBITAN

Ismail, Fadhilah & Ab Manan, Siti & Saidon, Rafeah & Sahari, Noorul & Aziz, Azhar & Jaapar, Nurzahidah. (2018). Welfare Survival Index of Working Spouse: Income Sharing Dimension.
 Saidon, R., Ismail, F.A., Manan, S.K., Sahari, N.H., Aziz, A.A., & Jaapar, N.H. (2017). Preventing illegal marriages in the light of maqasid al-shariah. *Pertanika journal of social science and humanities*.
 Saidon, R., Ismail, C.Z., Zin, M.Z., Ishak, A.H., Jusoh, W.H., & Jaapar, N.H. (2019). Analysing the Principles of Good Family Governance from the Islamic Law Perspective. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*.

Salasiah Hanin Hamjah, Md Noor Saper, Zainab Ismail. (2021). Kaunseling Islam Dan Kesejahteraan Insan. - . 208.

Jamiah Manap, Salasiah Hanin Hamjah, Fazilah Idris, Arena Che Kasim, Ruszymah Idrus. (2021). Lifestyle And Spiritual Practices of Generation Z. - *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*. 909-923.

PATEN & PENGIKTIRAFAN

Copyright ID (MyIPO): DV2021E04694

Keahlian profesional:

- 1) Ahli Lembaga Pelawat Rumah Pemulihan Majlis Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Sesi 2021-2023
- 2) Registered Islamic Estate Planner
- 3) Persatuan Kaunseling Syari'e Malaysia (PAKSI)
- 4) Peguambela & Peguamcara (tidak beramal)